

# BULETIN ICT

NEGERI MELAKA



## ICT Negeri Melaka

### TOKOH

Steve Jobs: Nadi Utama Syarikat Apple

### KERAJAAN

Kenali Bahagian K-Ekonomi, JKMM

Kursus Media Bersiri 2013

Melaka One Number Call Center

### INFORMASI

Telefon Pintar Terkini

BBM di Android dan iOS

HTC First Tidak Laku?

Cip Pemprosesan Generasi ke-4

Statistik Jalur Lebar Dunia

JUN 2013





## Dari Meja Ketua Editor

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM  
Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah rahmatNya Buletin ICT Negeri Melaka dapat diterbitkan dengan jayanya. Secara ringkasnya, tujuan Buletin ICT ini diterbitkan adalah untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat mengenai perkembangan ICT semasa kepada rakyat negeri Melaka khususnya.

Bercakap mengenai perkembangan ICT semasa, negeri Melaka juga tidak ketinggalan dalam menjadikan perkembangan ICT di negeri ini seiring dengan perkembangan terkini. Ini penting supaya rakyat di negeri ini tidak merasa ketinggalan dalam arus pembangunan semasa terutamanya dalam bidang ICT.

Oleh itu, fokus utama Buletin ICT pada edisi bulan ini adalah untuk memberi maklumat terkini mengenai perkembangan dan pencapaian ICT bagi negeri Melaka. Semoga para pembaca mendapat manfaat serta ilmu yang berguna daripada buletin ini. Sekian, selamat membaca.

**Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibudden**  
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

## Setinggi Tinggi TAHNIAH

*Kepada*

**Y.A.B Datuk Wira Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron**  
(DCSM, DMSM, DSM, BKC)

*Di atas Perlantikan Sebagai*

**KETUA MENTERI MELAKA KE-10**

*Pada*

7 Mei 2013 bersamaan 26 Jamadil Akhir 1434H



## ISI KANDUNGAN

### FOKUS

Perkembangan ICT Negeri Melaka	4
Maklumat Statistik SKMM	5

### KERAJAAN

Kursus Media Bersiri 2013	6
Pengenalan Bahagian K-Ekonomi	6
Melaka One Number State Center	7

### TOKOH

Steve Jobs: Pengasas Syarikat Apple	8-10
-------------------------------------	------

### INFORMASI

Telefon Pintar: Model Telefon Semasa	11
HTC First: Tidak Laku ?	12
ICQ: "Instant Messenger" Pertama	12
BBM di Android dan iOS	12
HASWELL: Cip Pemprosesan Terbaru	13
Statistik Semasa Jalur Lebar Dunia	13

### PROGRAM

Laporan Program Bulanan dan Gambar	14-15
------------------------------------	-------

#### Penaung

Y.A.B Datuk Wira Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron  
Ketua Menteri Melaka

#### Penasihat

YB Datuk Hj. Naim bin Abu Bakar  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

#### Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan  
Suhaibuddeen  
Ketua ICT Negeri Melaka

#### Editor

Muaz bin Ghazali

#### Sumbangan Bahan

Bahagian Perkhidmatan Teknologi  
Maklumat, Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Invest Melaka Berhad

#### Penerbit & Percetakan

Bahagian K-Ekonomi,  
Inkubator K-Ekonomi, Jln Business City,  
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
No.Tel : 06-2324425/4436  
No.Faks : 06-2331460  
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.

## ICT Melaka

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Negeri Melaka Sehingga Hari Ini

### HOTSPOT



Mempunyai lebih 1000 lokasi Hotspot di seluruh Negeri Melaka

### AIICT



Memerangi Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) 2011

### MELAKAKAD



Negeri pertama mempunyai kad pembayaran tunai elektronik (MelakaKAD)

### IPv6

Negeri Pertama yang melaksanakan penggunaan IPv6 dengan mempunyai nombor AS sendiri iaitu:

**AS 132432 (2405:4f00::/32)**

### ONCC

**06-3333333**

Pusat Talian Sehenti Pertama di Malaysia

### CYBERCENTRE



Bandar MITC sebagai kawasan berstatus MSC Malaysia Cybercentre@Melaka

### ISMS



Antara negeri yang terawal yang memperoleh sijil Information Security Management System (ISMS)

### WEB 3.0

Negeri pertama melancarkan portal rasmi Kerajaan Negeri berasaskan teknologi web 3.0 dengan menggunakan CMS Plone

### KURSUS ICT



Lebih 70,000 rakyat negeri Melaka telah mengikuti kursus ICT dan ianya ditawarkan secara PERCUMA

### 5 BINTANG

Mendapat pengiktirafan 5 Bintang dalam Penilaian Penarafan Bintang 2011 bagi kriteria Pengurusan ICT



## MAKLUMAT STATISTIK Komunikasi & Multimedia NEGERI MELAKA



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Malaysian Communications and Multimedia Commission


### JALUR LEBAR DAN INTERNET

Peratusan Kadar Penembusan Jalur Lebar Per 100 Isi Rumah (%)




Peratus Isi Rumah Yang Mempunyai Kemudahan Komputer Peribadi (%)

### TELEFON SELULAR




\* Penembusan yang melebihi 100% boleh berpunca daripada pelanggan yang melanggan lebih daripada satu langganan/perkhidmatan

### TALIAN IBUSAWAT TERUS DAN TELEFON AWAM





\* Tiada maklumat bagi Kadar Penembusan Talian Ibusawat Terus Per 100 Isi Rumah untuk Tahun 2008



Bilangan Telefon Awam Per 1000 Penduduk

### RADIO DAN TV



\* Sumber statistik dan maklumat daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## BAHAGIAN K-EKONOMI

Mengutamakan Perkhidmatan ICT untuk Rakyat

**MOTO**  
*Menjana Pengetahuan,  
 Membina Kekayaan,  
 Menjamin Kesejahteraan*

### PENUBUHAN

Bahagian K-Ekonomi ditubuhkan pada tahun 2001 di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka yang bertanggungjawab membangunkan K-Ekonomi iaitu ekonomi yang berasaskan pengetahuan di negeri Melaka.

Mempunyai seramai 22 orang staf yang diketuai oleh Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan Suhaibuddeen sebagai Pengarah Bahagian K-Ekonomi. Pejabat Bahagian K-Ekonomi terletak di Aras Bawah Inkubator K-Ekonomi di MITC.

### PERKHIDMATAN

Menyediakan kursus ICT secara percuma kepada rakyat negeri di bawah program 12 Flagship e-Melaka.

Memberi khidmat nasihat kepada usahawan teknologi di negeri Melaka

Menjadi perantara bagi urusan yang berkaitan dengan MSC Malaysia

### E-MELAKA

Diilhamkan oleh mantan Ketua Menteri Melaka ke-9 iaitu Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam pada tahun 2003

Bahagian K-Ekonomi bertanggungjawab penuh dalam merealisasikan hasrat Datuk Seri Mohd Ali untuk melahirkan masyarakat yang celik ICT melalui program ini

Penumpuan kepada penganjuran Kursus ICT secara percuma berpandukan kepada 12 Flagship yang menjadi teras rujukan kepada program e-Melaka ini.

- FLAGSHIP**
- e-Komuniti
  - e-Pelancongan
  - e-Media
  - e-Pendidikan
  - e-Politik
  - e-Agama
  - e-Kerajaan
  - e-Sekuriti
  - e-Belia
  - e-Kesihatan
  - e-Dagang
  - e-Wanita

  
 Bahagian K-Ekonomi  
 Jabatan Ketua Menteri Melaka  
 Inkubator K-Ekonomi,  
 Jln Business City,  
 Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,  
 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
 06-2324425/4436 (No.Tel)  
 06-2331460 (No.Faks)  
<http://www.emelaka.gov.my>

## MELAKA

One Number Call Center

Dikenali sebagai **ONCC**

Diilhamkan oleh Datuk Seri Mohd Ali Rustam pada tahun 2003

Tempat rujukan dan saluran informasi Negeri Melaka

Memudahkan urusan rakyat dengan kerajaan

**TUJUAN**  
Pelaksanaan ONCC

Meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan

Menjimatkan kos telekomunikasi Kerajaan Negeri



Hanya dial **06-3333333** untuk guna perkhidmatan

Beroperasi **24 jam** setiap hari termasuk pada cuti umum

## PERKHIDMATAN

Menerima dan menyambungkan talian kepada agensi atau Jabatan Kerajaan berkaitan

Talian informasi kepada pelabur, pelancong dan orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai negeri Melaka.

Menerima maklum balas, aduan, pertanyaan dan cadangan berkenaan negeri Melaka

Menyambungkan panggilan keluar dari Jabatan Kerajaan ke Jabatan, Agensi atau nombor yang dikehendaki

Menerima aduan tentang masalah sosial dan pertanyaan mengenai Sekolah Harapan

Menyediakan perkhidmatan SMS Info Blast dan mengendalikan Jawatan Kosong Negeri Melaka

**Memenangi Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat & Komunikasi (AIICT) 2011**

“ONCC jimat **58%** kos telekomunikasi kerajaan negeri dengan penjimatan bulanan sebanyak **RM34,000**”

-Utusan Malaysia, 8 Ogos 2012

## KURSUS MEDIA BERSIRI 2013

### PENGENALAN

Kursus Media Bersiri 2013 merupakan kesinambungan daripada kejayaan Program Seminar Animasi yang dianjurkan oleh Bahagian K-Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka pada 1 Oktober 2012 yang lepas.

Sektor multimedia kreatif khususnya dalam bidang animasi telah dikenalpasti mempunyai potensi besar sebagai sebuah sektor yang dapat memberikan peluang pekerjaan yang banyak serta peluang perniagaan yang akhirnya dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara kita.

Melihat kepada potensi ini, pelbagai langkah dilakukan terutamanya pihak kerajaan dalam menggalakkan rakyat

di negara ini menceburi dalam bidang animasi.

### BAHAGIAN K-EKONOMI

Di negeri Melaka ini, Bahagian K-Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka bertanggungjawab menjadi pemangkin kepada usaha menggalakkan rakyat di negeri ini menceburi bidang animasi. Sehubungan dengan itu, Bahagian K-Ekonomi mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kursus Media Bersiri selepas melihat kejayaan penganjuran Program Seminar Animasi yang telah dilakukan sebelum ini. Penganjuran Kursus Media Bersiri ini dilaksanakan di peringkat sekolah menengah untuk memupuk minat para pelajar terhadap bidang animasi.

### PENYERTAAN

Kursus Media Bersiri ini dibuka penyertaannya kepada pelajar sekolah menengah di negeri Melaka. Untuk tahun 2013 ini sebanyak 8 buah sekolah telah bersetuju untuk menyertai Kursus Media Bersiri iaitu SMK Tinggi Melaka, SMK Du-

rian Tunggal, SMK Kem Terendak, SMKA Sultan Muhammad, SMKA Sharifah Rodziah, SMK Tinggi St. David, SMK Malim dan SMK Gajah Berang.

### MODUL KURSUS

Setiap sekolah yang mengambil bahagian di dalam Kursus Media Bersiri ini, para pelajar akan diberikan pendedahan terhadap tiga jenis kemahiran menggunakan perisian untuk menghasilkan karya berbentuk animasi ataupun multimedia.

Mereka akan didedahkan dengan perisian Google SketchUp untuk menghasilkan model berbentuk 3D, perisian Adobe Flash untuk menghasilkan animasi 2D dan perisian Corel VideoStudio untuk suntingan video. Selain itu, satu ceramah mengenai Kreativiti Dalam Media akan disampaikan oleh pihak Multimedia Development Corporation (MDec).

Menariknya, tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pihak sekolah untuk setiap bengkel latihan mahupun sesi ceramah.

# Biografi Steve Jobs

Nadi Utama Syarikat Apple



## PERMULAAN HIDUP

Steve Jobs dilahirkan pada 24 Februari 1955 di San Francisco, California. Beliau telah diambil sebagai anak angkat oleh Paul dan Clara Jobs dan dinamakan sebagai Steven Paul. Walaupun Paul dan Clara Jobs tidak mempunyai pelajaran yang tinggi namun mereka berjanji kepada keluarga kandung Steve Jobs untuk menghantar Steve Jobs melanjutkan pelajaran di peringkat kolej.

Minat beliau terhadap bidang elektronik bermula pada zaman awal persekolahannya dan bakat keusahawanan beliau terselah semasa beliau belajar di 'Homestead High School'.

Steve Jobs menamatkan persekolahannya dan melanjutkan pelajaran di Kolej Reed. Walaubagaimanapun, Steve Jobs tidak menamatkan pelajaran beliau di Kolej Reed.

## PERMULAAN KARIER

Steve Jobs memulakan kariernya di syarikat Atari pada tahun 1974 kerana beliau pada masa itu sangat memerlukan wang. Beliau ditugaskan untuk membina sebuah permainan video yang dinamakan sebagai "Breakout".

Steve Jobs meminta pertolongan rakannya iaitu Wozniak untuk sama-sama membangunkan permainan "Breakout" itu dan mereka berjaya menyiapkan permainan tersebut dalam masa 4 hari tanpa tidur.

Semasa Wozniak bekerja di syarikat HP, beliau telah membangunkan sebuah papan komputer yang san-

gat berkuasa yang boleh berinteraksi dengan 'keyboard' dan 'screen' dan menunjukkan reka bentuk komputer tersebut pada Steve Jobs. Beliau sangat kagum dan mencadangkan untuk menjual komputer tersebut.



## PENUBUHAN SYARIKAT APPLE

Berbekalkan dengan USD 1000 untuk menghasilkan papan komputer yang pertama, mereka bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat bersama yang dipanggil syarikat Apple Computer. Permintaan pertama mereka adalah daripada seorang kenalan iaitu Paul Terrel yang pada ketika itu baru membuka sebuah kedai komputer dan beliau memesan sebanyak 50 buah komputer.

Steve Jobs dan Wozniak juga mula menjual komputer mereka sendiri dengan pergi ke setiap kedai. Dengan cara ini mereka dapat menjual beberapa ratus biji komputer mereka. Komputer pertama mereka diberi nama Apple I.

## JATUH BANGUN KARIER

Steve Jobs dilihat sebagai seorang pengurus yang tegas dan ramai pekerja yang terdiri daripada jurutera tidak boleh bekerja di bawahnya. Pihak pengurusan syarikat melihat dan memahami keadaan ini. Steve Jobs telah menjemput John Sculley untuk menjadi CEO syarikat Apple kerana ahli lembaga pengarah syarikat tidak membenarkan Steve Jobs menjadi CEO pada ketika itu kerana usianya yang terlalu muda dan kurang pengalaman.

Namun, pada 28 Mei 1985, John Sculley memberitahu Steve Jobs bahawa ahli lembaga pengarah telah bersetuju untuk membentuk sebuah pentadbiran baru di mana Steve Jobs tidak mempunyai apa-apa jawatan penting di dalam organisasi. Selama 4 bulan, Steve Jobs mencari haluan baru dalam karier beliau akhirnya beliau menubuhkan sebuah syarikat baru yang diberi nama NeXT dan meletakkan jawatan di syarikat Apple pada 17 September 1985.

Steve Jobs mula mencari pelabur untuk melabur pada syarikatnya Akhirnya pada bulan Februari 1987, seorang hartawan iaitu Ross Perot bersetuju untuk melabur di dalam Syarikat NeXT.

Selain itu, pada awal tahun 1986, Steve Jobs telah membeli syarikat Pixar yang merupakan tidak lebih sebagai hobi Steve Jobs. Syarikat Pixar pula mengalami perjalanan yang sukar di mana Steve Jobs hampir menutup syarikat tersebut beberapa kali sepanjang tahun 1987 sehingga tahun 1988

Namun hasil usaha para pekerja Pixar membuahkan hasil di mana kejayaan filem 'Toy Story' telah berjaya mencatatkan keuntungan yang sangat memberangsangkan dan kebijaksanaan Steve Jobs mengambil peluang tersebut telah menjadikan beliau seorang jutawan.

## KEMBALI MENERAJUI APPLE

Cerita mengenai kembalinya Steve Jobs ke Apple mula kedengaran pada tahun 1995. Pada tahun 1997, CEO Apple ketika itu, Gil Amelio tidak menunjukkan prestasi yang baik sehingga jumlah kerugian Apple di bawah pengurusan Gil Amelio melebihi USD 1 Bilion.

Melihat pada perkembangan yang tidak baik ini, ahli lembaga pengarah Apple telah memecat Gil Amelio dan meminta Steve Job untuk menjadi CEO syarikat Apple Computer namun telah ditolak oleh Steve Jobs yang hanya akan menerima jawatan sebagai 'Interim CEO' sahaja kerana mahu memulihkan reputasi syarikat.

Bermula pada tahun 1998, Steve Jobs memperkenalkan iMac yang menjadi kejayaan dan kebanggaan

syarikat Apple kerana penjualannya telah berjaya memulihkan imej syarikat Apple dengan begitu cemerlang. Peranan Steve Jobs dalam memulihkan imej syarikat Apple telah menjadi titik tolak untuknya menerima jawatan CEO syarikat Apple Computer secara sepenuh masa.

Selepas itu, Steve Jobs tidak lagi menoleh kebelakang dan terus menerajui syarikat Apple dalam menghasilkan pelbagai produk dan perisian berinovasi seperti iTunes, iPod, iPhone dan iPad.

Syarikat Apple juga telah menukar nama mereka daripada Syarikat Apple Computer kepada Syarikat Apple kerana halatuju syarikat yang semakin merangkumi pelbagai aspek penggunaan media elektronik.

## MASALAH KESIHATAN


Kesihatan merupakan masalah utama yang dialami oleh Steve Jobs dan juga menjadi bualan orang ramai kerana beliau merupakan tokoh besar dalam arus teknologi semasa. Bermula pada tahun Oktober 2003, pihak doktor telah mengesan sejenis tumor yang membesar di dalam

pankreas beliau. Pada mulanya beliau tidak mahu menjalankan pembedahan untuk membuang tumor tersebut namun pada lewat tahun 2004 beliau setuju untuk menjalani pembedahan kerana melihat keadaan kesihatannya yang tidak menunjukkan petanda yang baik.

Akhirnya beliau meletakkan jawatan sebagai CEO syarikat Apple pada 24 Ogos 2011 kerana merasakan dirinya tidak mampu lagi untuk meneruskan kerjayanya dan menamakan Tim Cook sebagai pengganti beliau untuk jawatan CEO syarikat Apple.

## KEMATIANNYA

Berita tentang kematian Steve Jobs sangat mengejutkan dunia. Beliau mati pada 5 Oktober 2011 di rumahnya di Palo Alto, California di samping isteri, anak-anak dan juga adiknya. Beliau dipercayai mati akibat daripada komplikasi kanser pankreas. Beliau berumur 56 tahun pada ketika itu. Pemergian beliau amat dirasai sehingga kebanyakan besar akhbar-akhbar utama menyiarkan berita kematiannya di muka hadapan akhbar mereka.



**STEVE JOBS**  
*Dalam Kenangan*  
**1955-2011**

## FAKTA MENARIK *Steve Jobs*

### Beragama Islam?

Bapa kandung beliau bernama Abdul Fattah John Jandali seorang warga Syria yang berhijrah ke Amerika Syarikat dan beliau telah diberi nama Abdul Lateef Jandali setelah dilahirkan. *-gulfnews.com*

### Mangsa buli

Menjadi mangsa buli semasa belajar di 'Crittenden Middle School' sehingga beliau terpaksa meminta ibu bapa angkatnya memindahkannya ke sekolah yang lain *-allaboutstevejobs.com*

### Tidak habis belajar

Beliau tidak menamatkan pembelajarannya di Kolej Reed yang hanya bertahan selama beberapa bulan sahaja. *-allaboutstevejobs.com*

### Kerja 'Illegal'

Beliau dan Steve Wozniak telah sama-sama mencipta 'Blue boxes' yang boleh membuat panggilan telefon secara percuma. Beliau menjualnya pada pelajar dan hampir ditangkap oleh polis kerana perniagaan itu adalah haram. *-allaboutstevejobs.com*

### Dikagumi&Mengagumi

Bill Gates mengagumi bakat rekabentuk pada Steve Jobs yang mempunyai nilai-nilai estetik. *-appleinsider.com*

Steve Jobs pula mengagumi Mark Zuckerberg yang mendominasi bidang rangkaian sosial *-news.cnet.com*



## TELEFON PINTAR

Tahun 2013 ini menyaksikan persaingan yang hebat ditunjukkan oleh syarikat pengeluar telefon pintar dalam memasarkan produk mereka di pasaran. Berikut merupakan antara telefon pintar semasa serta spesifikasi telefon yang berjaya menambat hati pengguna di negara ini.

	CPU   RAM	Storage	Screen Size	Camera	Battery	Weight	Price
Galaxy S4	1.6 GHz Octo-Core 2 GB RAM	16 GB internal microSD slot	5 inch 1920x1080 resolution	13 MP primary 2 MP secondary	2600mAh removable	130 g	RM2199
iPhone 5	1.2 GHz Dual-Core, A6 Chip 1 GB RAM	16/32/64 GB internal ONLY	4 inch 1136x640 resolution	13 MP primary 2.2 MP secondary	1440mAh built-in	112 g	RM2199 (16GB) RM2499 (32GB) RM2799 (64GB)
BlackBerry Z10	1.5 GHz Dual-Core, Krait 2 GB RAM	16 GB internal microSD slot	4.2 inch 1280x768 resolution	8 MP primary 2 MP secondary	1800mAh removable	136 g	RM2188
HTC One	1.7 GHz Quad-Core Qualcomm Snapdragon 600 2 GB RAM	32 GB internal ONLY	4.7 inch 1920x1080 resolution	4 MP UltraPixel primary 2.1 MP secondary	2300mAh built-in	143 g	RM2299
Lumia 920	1.5 GHz Dual-Core, Krait 1 GB RAM	32 GB internal ONLY	4.5 inch 1280x768 resolution	8 MP primary 1.3 MP secondary	2000mAh built-in	185 g	RM1699
Xperia Z	1.5 GHz Quad-Core, Krait 2 GB RAM	16 GB internal microSD slot	5 inch 1920x1080 resolution	13 MP primary 2.2 MP secondary	2600mAh built-in	146 g	RM2199

Sumber: HTC, Apple, Sony Malaysia, Nokia, BlackBerry, Samsung, Digi, Celcom dan Maxis

## HTC First ? Tidak Laku ?



Syarikat telekomunikasi AT&T dihabarkan akan menghentikan kerjasamanya dalam penjualan HTC First atau lebih dikenali dengan 'Facebook Phone' kerana penjualannya sangat tidak membebankan sejak ianya dikeluarkan di Amerika Syarikat pada 12 April 2013.

Pembangunan HTC First merupakan kerjasama yang dijalinan dengan pihak Facebook dalam memberikan pengalaman yang berbeza kepada pengguna melayari laman Facebook secara terus melalui telefon pintar.

Kebanyakan pengguna merasa keliru dengan antaramuka Facebook Home pada HTC First ini dan dihabarkan pihak AT&T terpaksa menjual HTC First ini pada

harga yang sangat rendah iaitu USD 0.99 namun pihak AT&T memberitahu bahawa pengurangan harga berkenaan adalah sebagai salah satu promosi penjualan telefon pintar tersebut.

Walaupun bagaimanapun, belum ada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak HTC atau syarikat telekomunikasi AT&T mengenai pemberhentian penjualan ini.

Untuk makluman pembaca, HTC First ini belum tiba di pasaran Malaysia buat masa terdekat ini.

## Ini Fakta !



## 'Instant Messenger' PERTAMA di Internet

ICQ merupakan aplikasi 'Instant Messenger' yang pertama digunakan oleh pengguna Internet iaitu pada tahun 1996. Mirabilis adalah syarikat yang membangunkan dan mempopularkan penggunaan aplikasi ICQ.

Aplikasi ini masih digunakan pada masa kini dan telah memperluaskan penggunaannya kepada pengguna Android, iPhone, BlackBerry, Windows mahupun pengguna telefon Symbian.

Aplikasi ICQ ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan 'Instant Messenger' yang ada pada masa sekarang iaitu membolehkan pengguna membuat panggilan video dan suara secara percuma serta perkongsian file seperti gambar dan video.

Sumber: [www.wisegeek.com](http://www.wisegeek.com)

## HASWELL Cip Pemprosesan Intel Generasi Ke-4



Intel secara rasminya telah mengumumkan pengeluaran cip pemprosesan terbaru daripada mereka iaitu 'Haswell' dengan menggunakan kesempatan terbaik untuk memperkenalkannya di Computex 2013 di Taiwan baru-baru ini. Haswell merupakan nama kod bagi cip pemprosesan generasi keempat bagi teras 'i-series' untuk keluarga Core i3, i5 dan i7. Nama kod bagi generasi yang sebelum ini adalah 'Ivy Bridge' yang dilancarkan pada pertengahan tahun 2012.

Mengenai cip pemprosesan Haswell ini, syarikat Intel berkata bahawa cip ini boleh meningkatkan jangka hayat penggunaan bateri dan juga peningkatan penggunaan grafik berbanding dengan cip pemprosesan sebelum ini.

Intel juga mengatakan bahawa peningkatan pada jangka hayat bateri bagi cip Haswell ini adalah yang terbaik dalam sejarah perkembangan syarikat Intel kerana cip Haswell ini beroperasi lebih agresif untuk menjimatkan voltan pada bahagian seni bina yang tidak memerlukan.

Bagi penggemar gajet di Malaysia ini, cip pemprosesan generasi keempat ini akan hadir di pasaran tidak lama lagi. Buat masa ini hanya ada beberapa model Desktop, Komputer Riba dan Tablet yang menggunakan Haswell tetapi untuk pasaran di Malaysia belum kedengaran buat masa ini.

Namun demikian, untuk mengelakkan penipuan sekiranya ingin membeli komputer mahupun gajet yang dikatakan menggunakan cip pemprosesan terbaru ini, ia masih lagi hadir dengan nama pemprosesan Core i3, i5 dan i7. Anda hanya perlu pastikan model yang dibeli mempunyai nama model (cip) yang bermula dengan nombor '4' pada empat digit selepas perkataan i3, i5 mahupun i7.

Sebagai contoh nama cip yang menggunakan cip pemprosesan Haswell adalah seperti 'Core i7-4650U'.



## Statistik Semasa

Kegunaan **JALUR LEBAR** di Peringkat Global dan Negara ASEAN



Indeks "Download"			Indeks "Upload"		
		Mbps			Mbps
1	Hong Kong	46.42	1	Andorra	33.06
2	Andorra	37.05	2	Lithuania	29.98
3	Lithuania	36.55	3	Hong Kong	29.74
4	Taiwan	36.46	4	Moldova	27.34
5	Belanda	33.53	5	Korea Selatan	26.76
12	Singapura	30.62	11	Singapura	17.55
53	Veitnam	11.93	23	Veitnam	9.88
56	Thailand	11.40	55	Kemboja	4.00
95	Brunei	5.47	57	Laos	3.82
113	<b>MALAYSIA</b>	<b>4.47</b>	64	Brunei	3.54
119	Laos	4.12	65	<b>MALAYSIA</b>	<b>3.50</b>
123	Kemboja	3.88	80	Thailand	2.76
124	Filipina	3.81	117	Myanmar	1.66
140	Myanmar	3.12	141	Filipina	1.31
157	Indonesia	2.51	143	Indonesia	1.23

\* Data untuk kedua-dua indeks diambil sehingga 6 Jun 2013 dari [netindex.com](http://netindex.com)

## BlackBerry Messenger di Android dan iOS



BlackBerry telah membuat pengumuman semasa persidangan 'BlackBerry Live' pada 14 Mei yang lepas bahawa aplikasi terkenal mereka iaitu BlackBerry Messenger akan memasuki pasaran Android dan juga iOS.

Ini merupakan suatu pengumuman yang menarik sepanjang persidangan tersebut kerana umum mengetahui bahawa penggunaan BlackBerry Messenger (BBM) adalah untuk pengguna telefon pintar BlackBerry sahaja. Aplikasi BlackBerry Messenger (BBM) akan hadir pada pengguna Android dan iPhone tidak lama lagi dan ianya secara percuma ditawarkan kepada pengguna.

BlackBerry juga menyatakan bahawa mereka mempunyai lebih 60 juta pengguna yang aktif dalam sebulan dan akan terus meningkat sekiranya aplikasi BBM ini digunakan oleh pengguna Android dan iPhone. Dalam kenyataan lain, pengasas BlackBerry iaitu Mike Lazaridis menyatakan keyakinan bahawa pengguna Android dan iPhone akan mula menyukai aplikasi BBM ini nanti.

## NET INDEX

Kedua-dua indeks yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada hasil keputusan semasa jutaan ujian yang dilakukan dari Speedtest.net

Indeks ini membandingkan dan meletakkan kedudukan kelajuan 'download' dan 'upload' pengguna di seluruh dunia.

Indeks ini bukan suatu pengukur utama kerana data yang diambil akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

## PENDUDUK KG. PENDAMAR

### *Ikuti Latihan ICT*

Bahagian K-Ekonomi dengan kerjasama Pemuda UMNO Kg. Pendamar telah melaksanakan program 1 Komuniti e-Melaka bertempat di Balai raya JKKK Kg. Pendamar, Ayer Molek pada 10 Jun yang lepas.

Program ini terbuka kepada semua masyarakat yang melibatkan golongan warga emas, suri rumah dan belia. Program yang dilaksanakan selama dua hari ini mendapat sambutan di mana seramai 49 orang peserta telah mengikuti kursus ICT yang dilaksanakan seperti mempelajari Microsoft Office Word, Excel dan Powerpoint. Peserta juga tidak ketinggalan diberi pendedahan kepada penggunaan Internet.

Program ini juga telah disempurnakan oleh Datuk Hasnoor bin Sidang Husin yang merupakan Ketua UMNO Cawangan Kg. Pendamar. Beliau juga menyeru kepada peserta agar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari kerana ianya boleh memudahkan urusan seharian.



## Program DUIT USAHAWAN BARU

Distribution IT atau lebih dikenali sebagai DUIT merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Yayasan Usahawan Baru. Program ini bertujuan untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada usahawan yang baru memulakan perniagaan ataupun menaik taraf perniagaan mereka.

Sehubungan dengan itu, Yayasan Usahawan Baru dengan kerjasama daripada Bahagian K-Ekonomi telah mengadakan program Distribution IT di Melaka bertempat di Planetarium Melaka pada 21 Mei 2013 yang lepas.

Seramai 47 usahawan daripada negeri Melaka telah menyertai program ini yang dijalankan selama sehari. Sepanjang program berlangsung, usahawan diberikan taklimat dan perengangan mengenai produk ICT keluaran Bumiputera supaya mereka mendapat pendedahan, pengetahuan dan maklumat terperinci tentang produk ICT yang ingin dikeluarkan.

Program ini berjaya mencapai matlamatnya dalam membantu usahawan yang baru dalam perniagaan mereka.

## WARGA KEM TERENDAK

### *Pelajari ADOBE FLASH*

Bertempat di Aras 6 Pusat ICT Negeri Melaka, Bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Bahagian K-Ekonomi telah menganjurkan kursus Animasi 2D kepada warga kerja Markas Infantri Ketiga Kem Terendak pada 30hb-31hb Mei yang lalu.

Seramai 14 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang dijalankan selama dua hari yang menggunakan perisian Adobe

Flash sebagai alat bantu pengajaran untuk menghasilkan animasi 2D.

Ini bukan kali pertama Bahagian K-Ekonomi mengadakan kursus ICT kepada warga kerja Markas Infantri Kem Terendak kerana sebelum ini Bahagian K-Ekonomi telah menganjurkan kursus Google Sketch Up dan juga Adobe Illustrator kepada warga kerja mereka.

## KURSUS ICT Percuma

Bahagian K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus kepada rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka. Berikut merupakan jadual kursus ICT yang dijalankan pada bulan Jun ini.

Microsoft Office: Word

25hb Jun 2013  
(9.00am-6.00pm)

Pusat ICT Negeri Melaka,  
Bangunan UTC

*\* Perubahan tarikh, masa dan tempat kursus adalah tertakluk kepada pihak penganjur*

Bahagian K-Ekonomi juga mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin bekerjasama dengan Bahagian K-Ekonomi untuk menganjurkan program atau kursus yang berkaitan dengan ICT. Sebarang maklumat dan juga informasi terkini mengenai program atau kursus ICT boleh didapati dengan melayari laman sesawang Bahagian K-Ekonomi di alamat <http://www.emelaka.gov.my> ataupun boleh menghubungi terus di talian 06-2324425/4436.



Corel Video@SMK Kem Terendak

11 Mei 2013



Corel Video@SMKA Sharifah Rodziah

18 Mei 2013



EXCEL Bersama Staff PERPUSTAM

21 Mei 2013



Distribution IT@Planetarium Melaka

21 Mei 2013



Adobe Flash dengan Warga Kem Terendak

30 - 31 Mei 2013



Latihan ICT di Balai raya JKKK Kg. Pendamar

10 Jun 2013



# Runsing dengan kejadian di ruang siber yang **mengancam** keselamatan dan privasi anda ?

**Laporkan** kepada Pusat Bantuan **Cyber999**

## Maklumat Lanjut

↳ Sila Layari  
<http://www.cybersecurity.my>



### ADUAN MELALUI LAMAN WEB

[http://mycert.org.my/report\\_incidents/online\\_form.html](http://mycert.org.my/report_incidents/online_form.html)



### ADUAN MELALUI EMEL

[cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my)



### ADUAN MELALUI SMS

Taip [CYBER999 REPORT] [emel] [aduan] hantar ke 15888



### ADUAN MELALUI TELEFON

Dail 1 300 88 2999 (waktu bekerja)  
Dail 019-2665850 (24 jam)



### ADUAN MELALUI FAKS

Hantar kepada 03-89453442 (waktu bekerja)

